



SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG

Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPPP) mempelawa Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut :-

<u>BIL</u>	<u>JAWATAN</u>	<u>GREd</u>	<u>SKIM PERKHIDMATAN</u>	<u>LOKASI</u>
1.	PEGAWAI LAUT (KEKOSONGAN – 1) TARAF JAWATAN : KONTRAK	AL48	PEGAWAI LAUT	PULAU PINANG

Maklumat terperinci mengenai jawatan di atas dan syarat-syarat kelayakan boleh diperolehi melalui laman web berikut :- <http://www.penangport.gov.my>

CARA MEMOHON

- i Borang permohonan boleh didapati terus secara **ONLINE** melalui laman web SPPP atau memperolehnya di Pejabat SPPP, Unit Khidmat Pengurusan di alamat seperti tertera di bawah.
- ii Bagi Penjawat Awam, permohonan mestilah lengkap dengan **Ringkasan Kenyataan Perkhidmatan** dan **Laporan Nilai Prestasi Tahunan (3 tahun terakhir)** melalui Ketua Jabatan masing-masing.
- iii Sila catatkan nama jawatan yang hendak dipohon pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat semasa memohon dan menghantar borang.
- iv Permohonan yang tidak dilengkapi dengan gambar, salinan sijil berkaitan atau lewat diterima serta tidak mengikut peraturan yang telah ditetapkan akan ditolak. Surat-menyurat tidak akan dilayani.
- v Penggunaan borang permohonan yang dibuat salinan adalah dibenarkan.
- vi Calon yang mempunyai pengalaman kerja berkaitan akan diberi keutamaan.
- vii Hanya calon yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk temu duga.
- viii Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh iklan ini ditutup adalah dianggap tidak berjaya.
- ix Borang permohonan yang telah lengkap diisi berserta dengan resume dan salinan sijil-sijil yang berkaitan serta lain-lain dokumen yang telah disahkan hendaklah dikemukakan kepada :-

**PENGURUS BESAR
SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG
ARAS 2, SWETTENHAM PIER CRUISE TERMINAL
No. 1A, PESARA KING EDWARD
10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG**

TARIKH TUTUP : ...22 DISEMBER 2023.....
PERMOHONAN

IKLAN JAWATAN KOSONG

1. MAKLUMAT JAWATAN

- a) Jawatan : Pegawai Laut
- b) Klasifikasi Perkhidmatan : Pengangkutan
- c) Kumpulan Perkhidmatan : Kumpulan Pengurusan & Profesional

2. TAWARAN GAJI

Calon diminta menyatakan gaji semasa dan gaji yang dijangkakan dalam borang permohonan. Tawaran gaji akan ditetapkan oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang berdasarkan pengalaman kerja dan kelayakan akademik calon.

3. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) warganegara Malaysia;
- b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c) *Master of 3000 GT or more Unlimited Trade Voyages* yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- d) mempunyai sekurang-kurangnya 10 tahun pengalaman dalam bidang maritim.

4. TARAF JAWATAN

Kontrak

5. PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

LATIHAN

Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang berdasarkan prestasi perkhidmatan.

6. FUNGSI BIDANG TUGAS

Bertanggungjawab mengkaji, merumus, merancang, merangka dan menyelaras perkhidmatan marin, pemaliman, VTMS dan projek pembangunan di Pelabuhan Pulau Pinang, tadbir urus fasiliti dan penyelenggaraan aset bagi memastikan keberkesanan penyampaian perkhidmatan pelabuhan selaras dengan pembangunan yang mampan.

7. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

22 Disember 2023